



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Fax: 03-8889 4548
Laman web: <http://www.moe.gov.my>.

KP(BPSH-SPDK) 201/005/01/ (37)
13 Januari 2010

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS: BIL: 1 /2010

PELAKSANAAN DASAR MENGHADKAN JUMLAH MAKSIMUM SEPULUH (10) MATA PELAJARAN DAN PENAMBAHAN DUA (2) MATA PELAJARAN TAMBAHAN DALAM PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 23 Disember 2009 telah bersetuju bahawa dasar mengehadkan sepuluh (10) mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah kekal, walau bagaimanapun kelonggaran diberi kepada calon untuk mengambil tidak lebih daripada dua mata pelajaran tambahan mulai Tahun 2010.

2. Calon yang akan menduduki peperiksaan SPM mulai Tahun 2010 dibenarkan mengambil dua lagi mata pelajaran sebagai tambahan. Dua mata pelajaran tambahan tersebut mestilah dipilih daripada mana-mana mata pelajaran yang telah disenaraikan dalam peperiksaan SPM kecuali mata pelajaran teras. **Jumlah keseluruhan mata pelajaran yang boleh diambil oleh calon adalah dua belas (12).**

3. Kelonggaran ini boleh diguna pakai untuk semua murid di semua aliran sekolah. Syarat-syarat lain pengambilan mata pelajaran dalam peperiksaan SPM, termasuk syarat mata pelajaran teras dan mata pelajaran elektif sedia ada kekal. Pencapaian calon dalam peperiksaan SPM bagi semua mata pelajaran yang diduduki termasuk dua pelajaran tambahan itu akan dicatatkan dalam sijil SPM yang sama.

4. Keputusan kerajaan membenarkan dua mata pelajaran tambahan dalam peperiksaan SPM ini adalah selaras dengan peruntukan Akta Pendidikan 1996 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

5. Surat Pekeliling Ikhtisas ini hendaklah dibaca bersama Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/2009 bertarikh 27 Ogos 2009 bagi Pelaksanaan Mengehendkan Jumlah Maksimum Sepuluh (10) Mata Pelajaran Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

6. Semua Pengarah Pelajaran Negeri hendaklah memaklumkan kandungan surat pekeling ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan semua Pengetua di bawah pentadbiran Y. Bhg. Datuk/Dato' /Datin/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

TAN SRI DATO' HAJI ALIMUDDIN BIN HAJI MOHD DOM
Ketua Pengarah Pelajaran
Kementerian Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia
 2. YB Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 3. YB Dr. Mohd Puad bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
 5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
 7. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pelajaran Malaysia
 8. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
Kementerian Pelajaran Malaysia
 9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pelajaran Malaysia
 10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia.